



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 3/2010
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ANUGERAH CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sukacita dimaklumkan bahawa pencalonan untuk Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam bagi tahun 2010 adalah dengan ini dibuka kepada semua pegawai dan kakitangan atau kumpulan dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Tetap, Kontrak, Sebulan ke Sebulan, Open-Vote dan Bergaji Hari, iaitu sepertimana yang dipersyaratkan dalam Garispandu Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.


2. Semua pencalonan untuk Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam hendaklah terdiri dari projek-projek/program-program yang telah diperkenalkan dalam tempoh tidak melebihi daripada tiga tahun dari tarikh pencalonan dan telah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu tahun dari tarikh pencalonan dihadapkan serta telah menunjukkan hasil-hasil atau faedah-faedah yang positif.

3. Projek-projek/program-program yang dicalonkan bagi Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam hendaklah dipastikan ianya tidak pernah menyertai Konvesyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) samada di peringkat kementerian mahupun peringkat Kebangsaan.

4. Pencalonan bagi Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam bagi tahun 2010 adalah terbuka dalam 2 kategori yang berorientasikan seperti berikut:

i. Penyampaian Perkhidmatan

Projek-projek/program-program di bawah kategori ini adalah merupakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan kearah meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai dan peningkatan prestasi organisasi. Dalam penyampaian perkhidmatan ini, faedah-faedah kewangan bukanlah merupakan faktor utama tetapi lebih menumpukan kepada usaha-usaha penambahbaikan seperti perkhidmatan-perkhidmatan kaunter (*counter services*) dan mana-mana perkhidmatan yang berasaskan pelanggan/klien.



- 2 -

ii. Kewangan

Projek-projek/program-program yang di bawah kategori ini adalah merupakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan yang lebih menumpukan perhatian kepada kewangan yang mana mengutamakan kepada hasil/kesan yang mengambilkira pulangan /faedah dalam bentuk kewangan seperti penjimatan kos; peningkatan pendapatan/hasil; keberkesanan kos; dan "*value for money*".


5. Sepertimana jua maksud perenggan 6 Buku Garispandu Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam, setiap kementerian dibenarkan untuk mencalonkan tidak lebih dari 3 projek/program yang terbaik bagi setiap kategori iaitu kategori Penyampaian Perkhidmatan dan kategori Kewangan. Dalam perkara ini, sukacita juga menarik perhatian mengenai kehendak Surat Pemberitahuan Jabatan Perdana Menteri bilangan 7/2007 bertarikh 30 April 2007 yang mana setiap kementerian dikehendaki mencalonkan sekurang-kurangnya satu projek bagi setiap kategori.

6. Setiap pencalonan adalah dibuat dengan mengisi borang A yang boleh didapati di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri selaku Urusetia kepada Jawatankuasa Pembaharuan Perkhidmatan Awam. Borang tersebut berserta dengan 9 set kertaskerja projek/program hendaklah dikembalikan kepada Jabatan berkenaan **tidak lewat dari 01 Jamadilakhir 1431 bersamaan 15 Mei 2010** melalui kementerian masing-masing.

7. Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan yang menghadapkan sokongan bagi pencalonan Anugerah ini hendaklah memastikan supaya setiap projek/program yang dicalonkan itu selaras dengan matlamat Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam iaitu **untuk meningkatkan prestasi, kualiti dan produktiviti dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

8. Setiap kertaskerja bagi projek/program yang dicalonkan hendaklah menurut format Laporan Projek sepertimana yang digariskan dalam perenggan 8 Buku Garispandu Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam yang boleh diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

9. Panel Penilaian dan Pemilihan bagi Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam yang akan dilantik mempunyai kuasa untuk menolak pencalonan yang tidak memenuhi syarat penyertaan dan mana-mana projek/program yang bidang tumpuannya tidak menepati matlamat Anugerah ini.



- 3 -

10. Penerangan lanjut mengenai Anugerah ini boleh diperolehi dengan berhubung terus kepada Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang beralamat seperti berikut:

**Jabatan Perkhidmatan Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Bahirah
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

Telefon: 2382064/65/66
Fax : 2382062
E-mail: info msd@msd.gov.bn

[AWANG SA BALI BIN ABAS]
Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (3)JPM/SK/2010

Tarikh: 19 Safar 1431
24 Februari 2010